

PM tidak berhasrat jadi utusan damai India, Pakistan

UM 2.0 OCT 2002

ISLAMABAD, 19 Okt. — Menteri Seri Dr. Mahathir Mohamad menolak kemungkinan Malaysia atau beliau sendiri bertindak sebagai utusan damai atau pihak ketiga bagi memulihkan hubungan India-Pakistan.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak menganggap dirinya sebagai utusan damai sementara Malaysia pula walaupun aktif bersuara dalam perhubungan antarabangsa, ia adalah sebuah negara kecil yang tidak berhasrat menjadi pihak ketiga dalam isu India-Pakistan.

Soalan itu ditujukan kepada Perdana Menteri kerana beliau dilihat mempunyai hubungan baik dengan pemimpin kedua-dua negara berkenaan yang terbukti menerusi siri lawatannya ke New Delhi dan Islamabad selain dilihat sebagai pemimpin yang dikagumi di peringkat antarabangsa.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar bersama Presiden Pakistan, Pervez Musharraf selepas pertemuan kedua-dua pemimpin di sini malam tadi.

Mengenai isu Kashmir, beliau berkata, Malaysia menyokong kepada penyelesaian yang termaktub di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ditanya apakah bantuan yang Malaysia boleh berikan dalam memulihkan ekonomi Pakistan, Dr. Mahathir berkata, Malaysia sangat gembira jika dapat membantu negara itu dalam meningkatkan pencapaian ekonominya.

“Jika program dan pelaksanaan Malaysia dilihat baik dan membawa kejayaan, ia boleh dicontohi atau diubahsuai mengikut keperluan sesebuah negara,” katanya.

Sementara itu, Presiden Musharraf pada sidang akhbar itu menolak dakwaan bahawa Pakistan mempunyai kerjasama program nuklear dengan Korea Utara.

“Laporan itu tidak berasas sama sekali,” katanya menjawab soalan mengenai laporan New York Times bahawa kedua-dua negara mempunyai kerjasama itu.

Mengenai hubungan dua hala Pakistan-Malaysia, beliau berkata, kedua-dua negara mempunyai pandangan yang sama dalam semua isu antarabangsa dan berkaitan kepentingan umat Islam.

“Pakistan dan Malaysia mempunyai masa depan hubungan yang jauh lebih baik,” katanya berdasarkan kerjasama dan persefahaman yang ada.

Katanya, kedua-dua negara juga mencapai persetujuan untuk membaiki imbang dagangan yang setakat ini memihak kepada Malaysia.

Jumlah dagangan kedua-dua negara ialah RM1.6 bilion dengan eksport Malaysia ke Pakistan berjumlah RM1.57 bilion sementara import RM167 juta.

Mengenai kempen memerangi keganasan, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa umat Islam perlu membetulkan salah tanggapan Barat terhadap Islam yang kian dilihat sebagai agama yang menyokong dan melakukan keganasan.

Sedangkan tegas beliau, fenomena keganasan oleh penganut agama lain telah berlaku lebih separuh abad dan tiada siapa yang memperkatakan mengenainya.

“Inilah yang perlu kita betulkan,” jelas beliau. — *Utusan*